

BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, pilih susunan ayat dalam ***bahasa Melayu Standard*** yang betul.

Petikan 1

Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal sekaliannya dipersembahkan oleh Bendahara ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Jawapan:

1.	
2.	
3.	

Lalu baginda terlalu suka, baginda memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia serta menganugerahkan persalinan kepada semua hulubalang yang terlibat pada kadarnya.

Kemudian segala kejadian yang berlaku dipersembahkan oleh Bendahara kepada Sultan.

Seterusnya Bendahara pun Kembali ke Melaka untuk menghadap Sultan Muzaffar Syah.

Petikan 2

Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, “mati engkau, Cau Pandan.”

Jawapan:

1.	
2.	
3.	

Apabila mendengar khabar bahawa Cau Pandan ingin menyerang Melaka, Tuan Sidi Arab pun berdiri di hadapan Sultan Muzaffar Syah.

Kemudian Tuan Sidi Arab menarik panahnya sambil berkata “matilah engkau, Cau Pandan.”

Seterusnya Tuan Sidi Arab menggunakan panahnya mengarahkan ke benua Siam.